

SIARAN MEDIA

89.3 PERATUS WANITA MALAYSIA BUAT KEPUTUSAN SENDIRI PILIH PENGGUNAAN KONTRASEPTIF

KUALA LUMPUR, 26 SEPT – Kajian Penduduk dan Keluarga kelima (KPKM-5,2014) mendapati 89.3 peratus wanita negara ini dalam lingkungan umur reproduktif memilih untuk membuat keputusan sendiri bagi penggunaan kontraseptif.

“Hal ini menunjukkan wanita Malaysia boleh dan berupaya membuat keputusan yang terbaik untuk menjaga kesihatan reproduktif mereka sendiri,” demikian menurut Dato’ Sri Rohani Abdul Karim, Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam ucapan perasmian penutup Forum Perancang Keluarga 2023 sempena sambutan Hari Kontraseptif Sedunia anjuran bersama Bayer.Co (M) Sdn. Bhd. di sini, hari ini.

Menurut Rohani lagi, “Kajian sama juga mendapati satu (1) daripada lima (5) wanita berkahwin tidak menggunakan sebarang kaedah perancang keluarga sedangkan mereka tidak merancang untuk hamil dan ini menjadikan kadar *unmet need* adalah pada 19.6 peratus.”

Justeru, forum bertemakan Pilih Dengan Yakin bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat serta pemegang taruh terhadap isu-isu berkaitan perancang keluarga ke arah kesejahteraan wanita dan keluarga dan menyampaikan fakta sebenar bagi mengelakkan pemahaman yang salah terhadap amalan perancang keluarga.

Selain forum, LPPKN turut menjalankan kempen perancang keluarga di semua 49 cawangan Klinik Nur Sejahtera (KNS) LPPKN seluruh negara sehingga 29 September ini. Antara aktiviti kempen termasuklah taklimat dan ceramah perancang keluarga serta pemberian kontraseptif percuma kepada wanita kumpulan B40 yang berisiko tinggi.

Bagi menyokong kempen, sebuah badan bukan kerajaan iaitu *Rise Against Hunger* Malaysia turut membiayai pemasangan kontraseptif jangka panjang seperti alat dalam rahim dan implan kepada 30 orang wanita yang layak.

Turut hadir ialah Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN, Puan Leong Sook Fun, Pengarah Urusan Syarikat Bayer (M) Sdn. Bhd. dan Datin Suriza Hing Abdullah, Timbalan Presiden *Rise Against Hunger* Malaysia.

####

Disediakan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT LPPKN

(NOR SYAHFIKAH BINTI MD ZIN – 012 7485532)